

09 APR 1998

ISU UTAMA BEKALAN AIR KE SINGAPURA SELESAI, KATA ANWAR

SINGAPURA, 9 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata isu asas dan utama berhubung bekalan air Malaysia kepada Singapura telah selesai.

"Terdapat komitmen kukuh di pihak Malaysia untuk menjamin bekalan air mencukupi kepada Singapura tetapi syarat, kadar dan kaedahnya akan dibincang kemudian," kata beliau pada sidang berita di sini hari ini.

Malahan, kata Anwar, satu mesyuarat peringkat pegawai dari kedua-dua negara berlangsung di Kuala Lumpur hari ini untuk membincangkan butiran mengenai perkara itu.

Perjanjian bekalan air yang ada sekarang antara kedua-dua negara akan berakhir pada 2061. Singapura berharap perbincangan untuk perjanjian baru diadakan segera.

Februari lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi jaminan kepada rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong bahawa Malaysia akan mengekalkan bekalan air kepada Singapura. -- BERNAMA

MKO MAI